

**SOALAN NO. 31**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**

**MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT**

**PENGGAL KEENAM, PARLIMEN KETIGA BELAS**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAPAN LISAN**

**DARIPADA : DR. ISMAIL BIN DAUT [ MERBOK ]**

**TARIKH : 26 MAC 2018 (Isnin)**

**SOALAN :**

**Dr. Ismail Bin Daut [ Merbok ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bagaimanakah cara untuk membantu golongan ibu tunggal memandangkan peratusan golongan ibu tunggal semakin meningkat malah segelintir daripada mereka tidak menerima bantuan.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan pelbagai skim bantuan kewangan bulanan dan sekali gus bagi faedah kumpulan sasar seperti keluarga miskin termasuk kepada ibu-ibu tunggal yang memerlukan.

Jumlah keseluruhan bantuan yang telah disalurkan oleh Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat pada tahun 2017 ialah **RM949,517,197.12** melibatkan **338,175** orang penerima. Daripada jumlah tersebut sejumlah **33,597** orang penerima iaitu kira-kira **9.94%** adalah merupakan ibu tunggal yang melibatkan peruntukan sejumlah **RM77,643,835.00**.

Ibu tunggal yang menerima bantuan melalui skim **Bantuan-Kanak-Kanak (BKK)** adalah paling ramai iaitu sejumlah **20,368** orang penerima melibatkan peruntukan sejumlah **RM45,524,550.00** sehingga Disember 2017.

Penerima bantuan kategori ibu tunggal yang menerima **Bantuan Am (BA)** adalah merupakan kedua tertinggi iaitu sejumlah **9,022** orang penerima melibatkan peruntukan sejumlah **RM19,738,950.00**.

KPWKM melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) juga telah merangka pelbagai bantuan berbentuk program pembangunan kapasiti iaitu latihan keusahawanan untuk pembangunan wanita di negara ini dengan menyediakan peluang untuk meningkatkan penglibatan diri dalam bidang keusahawanan melalui program **Inkubator Ibu Tunggal (I-KIT)** dan **Inkubator Keusahawanan Wanita (I-KeuNita)** atau kini dikenali dengan nama **Development of Women Entrepreneurs Initiative (DeWI)**.

Program ini turut dilaksanakan di seluruh negara menerusi Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN), Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak (JWKS) dan Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah (JHEWA).

Melalui Program DeWI, sehingga Disember 2017, bilangan program bagi pelaksanaan program DeWI pula adalah sebanyak **59** program dan jumlah peserta telah meningkat dari tahun 2016 hingga ke Disember 2017 adalah seramai **1,235** orang peserta manakala **130** orang daripadanya berjaya meningkatkan 50% pendapatan daripada pendapatan asal.

Selain itu, **Bazar Wanita 1Malaysia** yang diwujudkan di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan merupakan salah satu program yang diperkenalkan di bawah Inisiatif NBOS - *1Malaysia Women's Initiative for Self-Empowerment (1MWISE)* yang dipertanggungjawabkan kepada KPWKM untuk usahawan wanita berpendapatan rendah. Inisiatif ini dilaksanakan di pasar tani, Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) dan Pusat Transformasi Bandar (UTC) dengan kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Sehingga Disember 2017, **Bazar Wanita 1Malaysia** telah dilancarkan di Putrajaya, Kelantan, Pahang, Terengganu, Pulau Pinang, Selangor, Kedah, Perak, Melaka, Sabah dan Negeri Sembilan dengan jumlah peserta seramai **353 orang**.

Di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA): Meningkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah (LIH), Kementerian melaksanakan Program 1AZAM bagi meningkatkan taraf hidup rakyat yang berpendapatan rendah terutamanya golongan B40 termasuk ibu tunggal yang layak melalui aktiviti perniagaan secara kecil-kecilan.

Sehingga Disember 2017, Program 1AZAM telah mendapat sambutan yang menggalakkan dengan penyertaan sejumlah **203,398 orang** dari seluruh negara. Program ini turut mencatatkan seramai **101,564 orang** peserta telah berjaya meningkatkan pendapatan bulanan sekurang-kurangnya RM300 dan seramai **71,771 orang** peserta adalah daripada golongan wanita. Manakala, seramai **39,545 orang** peserta daripada jumlah keseluruhan penyertaan peserta baru adalah daripada Program 1AZAM (Niaga dan Khidmat) KPWK. Daripada jumlah tersebut, terdapat seramai **4,341 orang** peserta ibu tunggal dari seluruh Malaysia telah dicatatkan.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan turut menyediakan bantuan keusahawanan yang boleh didapati melalui beberapa agensi di bawahnya seperti Amanah Ikhtiar Malaysia, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah,

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Kewangan dan juga Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani.

KPWKM melalui JPW juga telah mengeluarkan Direktori Bantuan Sosioekonomi Wanita bermatlamat untuk memberi panduan kepada kumpulan sasar kementerian terutamanya wanita dan ibu tunggal yang ingin merancang, melaksana, dan memberi nilai tambah dalam segala aspek kehidupan dengan mengambil kira cabaran-cabaran yang dihadapi.